

Pakar agama anggota

BH 10 DEC 2002

Oleh Misiyah Taib dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Jawatankuasa khas bagi mengkaji keseluruhan sistem sekolah kebangsaan (SK) yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan saja akan dianggotai pakar akademik, malah mereka yang ada latar belakang agama dari semua kaum.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata anggota jawatankuasa itu

nanti bukan saja mereka yang mempunyai latar belakang pengajian Islam, tetapi juga mereka yang mempunyai latar belakang pengajian Kristian, Buddha dan Hindu.

Perdana Menteri sendiri katanya, akan mengenal pasti mereka yang akan menganggotai jawatankuasa berkenaan, yang dijangka dibentuk dalam masa terdekat ini bagi membincangkan sistem terbaik untuk anak-anak pada masa depan.

"Ini kerana kita beradang mengadakan mesyuarat pertama jawatankuasa berkenaan penghujung Januari ini. Keseluruhan kajian kepada sistem SK dijangka mengambil masa antara enam ke lapan bulan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Pada masa sekarang kata beliau, kementerian berkenaan sudah memulakan usaha mengumpul fakta perlu untuk rujukan jawatankuasa terbabit nanti, termasuk perkara berkait

tan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Ditanya apakah ada kemungkinan SAR akan ditutup, beliau berkata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri sudah menjelaskan kira-kira 12,000 anak akan diserap ke sekolah kebangsaan.

Kepada soalan apakah tindakan itu juga akan menyebabkan ramai guru di SAR akan menjadi penganggur, Aziz berkata:

"Mereka pun bukannya guru berkelayakan. Kalau mereka ada kelayakan kita akan serap ke SK. Tapi yang

jawatankuasa khas

kita tahu kebanyakan mereka tidak ada menjalani latihan pun.

"Ini yang membimbangkan kita. Guru yang tidak terlatih diberi keyakinan begitu tinggi oleh ibu bapa untuk mendidik anak mereka di SAR. Jadi yang akan rosak, anak mereka, bukannya ibu bapa."

Sehubungan itu kata beliau, kementerian merasakan menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan guru yang mengajar agama adalah mereka yang benar-benar mempunyai kelulusan.

"Bukanlah kita nak kata

dia (guru di SAR) tidak tahu agama. Dia tahu, tapi dalam pembelajaran, ada dua perkara yang harus kita ingat...pertama ilmu pengetahuan dan kedua metodologi atau kaedah pengajaran," katanya.

Aziz berkata, jika ibu bapa berterusan menghantar anak ke SAR, sampai masanya kelak, anak mereka tidak akan berada dalam arus perdana pembangunan serta kemajuan.

SK menyediakan subjek agama yang mencukupi untuk anak-anak dan guru-

guru yang mengajar agama juga bertauliah.

"Bagi pengajaran jawi misalnya, ia perlu ditekan-kan sekurang-kurangnya untuk enam bulan pertama persekolahan, supaya anak-anak mengenal huruf dan menguasai jawi, seterusnya al-Quran," katanya.

Beliau menegaskan tidak ada kepincangan dalam sistem pendidikan sekarang, cuma masih ada banyak ruang untuk dasar pelajaran yang digunakan sejak 1956 diperbaiki lagi, bersesuaian dengan jumlah penduduk negara ini

yang semakin bertambah serta cita rasa yang tidak lagi sama dengan dulu, yang menuntut kepada penyesuaian.

Sebelum ini, Aziz mengumumkan bahawa kajian terhadap sistem pendidikan negara itu akan meliputi semua jenis sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di negara ini.

Ia antara lain bertujuan mengenal pasti punca ibu bapa tidak berminat menghantar anak mereka ke SK, sebaliknya ke sekolah tertentu seperti sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), agama dan swasta.